

Newspaper	Berita Harian
Date	30 October 2015

Perdana Menteri fail saman fitnah terhadap Liong Sik

BH-30/10/2015

» *Kenyataan kes dana berniat jahat, tak berasas*

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
ajohari@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Datuk Seri Najib Razak mengemukakan saman fitnah terhadap bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik berhubung penerbitan artikel yang mendakwa Perdana Menteri menyalahgunakan dana kerajaan.

Najib memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini, pada 27 Oktober lalu melalui firma guaman Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak.

Dalam pernyataan tuntutan, Najib selaku plaintif berkata, Dr Liong Sik (defendan) yang juga bekas Menteri Pengangkutan mengeluarkan kenyataan fitnah yang diterbitkan portal online *Malay Mail* bertarikh 3 Oktober lalu bertajuk *MCA's Liong Sik Join's Call For Najib's Ouster For Allegedly Putting People's Money In His Own Account*.

Katanya, defendan secara salah dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan fitnah itu pada satu majlis di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, di ibu negara.

Beliau berkata, perkataan 'Najib' yang dinyatakan dalam artikel fitnah itu merujuk secara spesifik dan secara munasabah difahami serta dipercayai merujuk kepada beliau.

Katanya, perkataan fitnah itu antaranya membawa maksud beliau (Najib) menyalahgunakan dana kerajaan ke dalam akaun peribadi untuk kepentingan Deribadi, men-

yalahgunakan dana kerajaan milik syarikat pelaburan kerajaan, Malaysia Development Berhad (iMDB) serta mengkhianati kepercayaan rakyat dengan menyalahgunakan kuasa.

Serangan moral

Najib berkata, tuduhan defendan itu berat yang boleh menyebabkan penghinaan dalam kalangan masyarakat di negara ini dan di luar negara, selain serangan kepada moral dan perwatakannya.

Katanya, dakwaan itu tidak berasas yang dibuat tanpa sebarang bukti yang boleh me-

nyebabkan ketegangan di kalangan orang awam terhadap dirinya.

Beliau berkata, defendan dengan sengaja merosakkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadapnya sebagai seorang ahli politik dan pengerusi, Barisan Nasional (BN) serta perdana menteri bagi tujuan agenda peribadi tanpa memikirkan sensitiviti isu yang dibangkitkan.

Berikutan itu, plaintif menuntut ganti rugi am, ganti rugi khas, ganti rugi teruk dan teladan serta injunksi bagi menghalang defendan atau ejennya daripada mengeluarkan kenyataan lisan atau menerbitkan kenyataan fitnah sama di masa hadapan.

Najib juga menuntut supaya defendan menerbitkan permohonan maaf dalam akhbar atau majalah dan mengikut format yang ditentukan beliau sendiri. Mahkamah Tinggi menetapkan pada 16 November

